

11 Oktober 2022

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Pemberitahuan Awam: MSPO Penilaian Semula Persijilan Untuk IOI Corporation Berhad - Halusah Ladang Sdn Bhd (Kilang Kelapa Sawit Sakilan), Sandakan, Sabah, Malaysia

IOI Corporation Berhad telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula persijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Sakilan dan ladangnya. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit	
Nama Kilang	Kilang Kelapa Sawit Sakilan
Kapasiti Kilang (ton/jam)	40 MT/jam
Alamat/Lokasi	Mile 22, Sandakan/ Telupid Road, W.D.T 164, 90009 Sandakan, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS	Latitude/Garis lintang 005° 50' 09.74" N Longitude/Garis bujur 117° 50' 37.77" E

Ladang Sawit					
Ladang	Alamat/Lokasi	Rujukan GPS		Kawasan ditanam (Ha)	Jum. Kaw. Yg akan diperakui (Ha)
		Latitude/Garis lintang	Longitude/Garis bujur		
Ladang Sakilan MPOB Lesen No.: 503335002000	Mile 22, Sandakan/ Telupid Road, W.D.T 164, 90009 Sandakan, Sabah, Malaysia	005° 50' 49.17" N	117° 53' 15.62" E	2,094.00	2,296.37
Ladang Linbar 1 MPOB Lesen No.: 502435102000	Mile 45, Sandakan/ Telupid Road, W.D.T 164, 90009 Sandakan, Sabah, Malaysia	005° 32' 58.63" N	117° 40' 53.42" E	2,315.00	2,628.17
Ladang Linbar 2 MPOB Lesen No.: 502435102000	Mile 45, Sandakan/ Telupid Road, W.D.T 164, 90009 Sandakan, Sabah, Malaysia	005° 30' 08.31" N	117° 38' 42.87" E	1,933.00	2,211.83
Jumlah Luas Ladang				6,342.00	7,136.37

BSI Services Malaysia Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian semula pensijilan bagi Unit Pengurusan Kilang Kelapa Sawit Sakilan dan ladangnya pada 14 - 17 November 2022. Penilaian semula pensijilan ini akan diadakan mengikut standard MS 2530-4:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 4: General Principles for Palm Oil Mills dan MS 2530-3:2013 Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders.

Rujukan bagi standard boleh didapati secara talian di <https://www.mpocc.org.my/oil-palm-management-standard>. Penilaian akan merangkumi isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial seperitimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan MSPO pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama yang dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan penilaian semula pensijilan ini terdiri daripada:

Nama	Peranan/ Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Vijay Kanna Pakirisamy	Ketua Juruaudit Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi.	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sains Perniagaan Tani, Universiti Utara Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun dalam pengurusan ladang kelapa sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit (IMS) ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Valence Shem	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, pematuhan undang-undang, aspek lingkungan hidup, HCV, penambahbaikan yang berterusan, aspek sosial dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi.	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 9 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit. - Mula menyertai audit semenjak 2009 untuk pelbagai standard, antaranya ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS dan SMETA. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Mohamad Fitri bin Mustafa	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, penambahbaikan yang berterusan.	<ul style="list-style-type: none"> - Berkelulusan dalam Ijazah Perniagaan Tani dengan lebih 8 tahun pengalaman bekerja di pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepudu (IPM). - Terlibat dalam pengauditan ISCC dan MSPO sejak September 2017. - Merupakan Ketua Juruaudit/ Juruaudit bagi MSPO, RSPO dan ISO 9001. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001 dan MSPO.



Inspiring trust for a more resilient world.

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Alam Sekitar & Aspek Sosial
- Pelindungan Alam Sekitar
- Pemuliharaan Biodiversity
- Peluang Pekerjaan
- Pendekatan syarikat untuk pembangunan penduduk setempat
- Hubungan pihak tuan dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam membuat keputusan
- Free, Prior and Informed Consent
- Hak kemunusiaan dan perlindungan buruh kanak-kanak
- Cadangan untuk penambahbaikan
- Kepatuhan unit pengurusan

Satu mesyuarat dengan pihak berkepentingan akan diatur seperti tarikh yang dinyatakan di atas. Pihak tuan dijemput hadir untuk memberi pandangan dan pendapat semasa mesyuarat tersebut. Sila hubungi Pengarah, Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan seperti di bawah sekiranya ingin turut hadir mesyuarat tersebut. Butir-butir adalah seperti di bawah.

Pendapat dan pandangan anda juga boleh disalurkan dalam bentuk bertulis. Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:

Alamat:

Emel:

Nombor Telefon:

Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengarah
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan**
En. Azrul Wan Azizan
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Level 29, The Gardens North Tower
Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel :+603 9212 9638 samb. 1039
Faks :+603 9212 9639
Emel : Azrul.WanAzizan@bsigroup.com

DAN / AUDITEE:
En. William Siow Kar Dat
IOI Corporation Berhad
Level 29, IOI City Tower 2, Lebuh IRC
IOI Resort City
62502 Putrajaya, Malaysia
Tel : +603 8947 6755 (Ibu pejabat)
Faks: -
Emel : william.siow@ioigroup.com

Jika ada terdapat sebarang aduan, sila lawati <https://www.bsigroup.com/en-MY/our-services/Customer-Feedback-Policy-and-Procedure/> untuk prosedur yang lebih lengkap.

BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Co. Reg 200801003189
Suite 29.01 Level 29,
The Gardens North Tower,
Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638
F: +6 03 9212 9639
info.malaysia@bsigroup.com
bsigroup.com/en-MY



**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**



Inspiring trust for a more resilient world.

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,

.....
Azrul Wan Azizan
Pengarah
Operasi, Teknikal & Pematuhan - Jaminan

BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Co. Reg 200801003189
Suite 29.01 Level 29,
The Gardens North Tower,
Mid Valley City,
Lingkaran Syed Putra,
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638
F: +6 03 9212 9639
info.malaysia@bsigroup.com
bsigroup.com/en-MY



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS